

Headline	Seorang lagi jemaah meninggal dunia		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	8	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	66 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 264
Frequency	Daily	PR Value	RM 792



## Seorang lagi jemaah meninggal dunia

**MAKKAH** - Seorang lagi jemaah haji Malaysia, iaitu yang kedua meninggal dunia, di sini, kelmarin.

Hashim Abdul Latif, 60, meninggal dunia akibat serangan jantung semasa menerima rawatan di klinik Maktab Rehab Al Janadriyah di Al Bisjarah Mawaddah pada 12.01 pagi waktu tempatan.

Ketua Rombongan Haji Malaysia Tabung Haji (TH), Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, jenazah Hashim telah diurus oleh TH dan dikebumikan di

tanah perkuburan Ma'la selepas solat Zohor.

Hashim yang berasal dari Kampung Rapat Jaya, Ipoh, Perak bersama isterinya, Rosnamsiati Mohd Daham adalah jemaah haji yang tiba dengan penerbangan KT15.

Syed Saleh berkata, pengurusan TH telah beri perkhidmatan kaunseling kepada Rosnamsiati supaya terus bersemangat mengerjakan ibadah haji walaupun tanpa suaminya. - Bernama